

SATU KRITIKAN SOSIAL TERHADAP MASYARAKAT DAN INSTITUSI MAHKAMAH DALAM FILEM ANAK BAPAK ARAHAN DAN LAKONAN P.RAMLEE:

**SOHAIMI ABDUL AZIZ
PULAU PINANG**

Pengenalan

P.Ramlee merupakan pengarah dan pelakon filem yang tidak asing lagi dalam industri filem Melayu. Kariernya dalam dunia perfileman Melayu bermula pada tahun 1948 di Singapura. Penghijrahannya dari Pulau Pinang ke Singapura kerana pada waktu itu Singapura merupakan pusat industri filem termasuklah filem Melayu. Beliau telah mengarah 35 buah filem dan berlakun dalam 66 buah filem. Terdapat beberapa genre filem yang melibatkan P.Ramlee seperti genre komidi, realisme, romantikisme dan kerohanian. Filem yang akan dibincangkan dalam hal ini ialah filem *Anak Bapak*.

***Anak Bapak* Sebuah Filem Komidi**

Filem *Anak Bapak* telah dilahirkan pada 1968 oleh syarikat filem Merdeka Filem Production. Pelakon-pelakonnya ialah P. Ramlee, A. R. Tompel dan Ibrahim Din yang juga menjadi pelakon-pelakon filem komidi *Do Re Mi* (1966) dan *Nasib Do Re Mi* (1966) dan terakhir *Laksama Do Re Mi* (1972). Filem *Anak Bapak* juga sebuah filem komidi dan boleh dianggap sebagai sequel filem 'Do Re Mi kerana pelakon-pelakon utama yang sama dan genre pun sama. Namun ada bezanya yang ketara, iaitu ia filem yang serius dalam kerangka komidi.

Filem *Anak Bapak* mengisahkan Harun (lakonan P. Ramlee) seorang pengurus ladang yang suka berfoya-foya sehingga menyebabkan dia banyak berhutang dan wanita yang bernama Normah (lakonan Ruminah Sidek) seorang penyanyi kelab malam juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa hutang Harun. Apabila sangat terdesak, Harun telah menipu bapanya Datuk Mahfiz (lakonan A.R. Tompel) sebanyak 5000 ringgit dengan alasan untuk berkahwin. Tembelang Harun terbongkar apabila Datuk Mahfiz datang melawat Harun dan 'isteri'nya sedangkan Harun masih belum berkahwin. Bagi menutup pembohongan itu, Harun melakukan satu lagi penipuan iaitu meminjam Edah (lakonan Noran Nordin) isteri pemandunya untuk diperkenalkan kepada Datuk Mahfiz sebagai 'isteri'nya. Normah yang tahu cerita sebenar mengugut akan membocorkan rahsia ini kepada Datuk Mahfiz dan meminta sejumlah bayaran. Sebenarnya, Normah ada menaruh perasaan kepada Harun. Harun berulang kali memberi kepada Normah cek tendang atau cek tipu kepada Normah. Dijadikan cerita, Harun jatuh hati kepada jururawat bapanya iaitu Halimah dan mereka berkahwin. Perkahwinan Harun dengan Halimah menambah kemarahan Normah kepada Harun, lalu memberitahu kepada Datuk Mahfiz cerita yang sebenar. Harun diadili di 'mahkamah' bapanya dan didapati tidak bersalah. Sebaliknya, Normah yang bersalah kerana menganggu hidup Harun.

Filem Anak Bapak: Satu Kritikan Sosial

Kritikan sosial merupakan satu analisis dan penilaian kepada keadaan masyarakat dan institusi yang berkaitan dengan antaranya masalah sosial, ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Antara tujuan kritikan sosial ialah untuk menunjukkan perbezaan antara ideal sosial dan realiti iaitu apa yang berlaku dan apa yang sewajarnya terjadi, seterusnya mengenegahkan perubahan sosial (social reform). Bagaimanakah dengan filem *Anak Bapak* dalam konteks ini? Menonton dan menghayati filem *Anak Bapak* pada dasarnya mengiburkan dengan aksi-aksi lucu dan lagu-lagu merdu. Filem *Anak Bapak* merupakan 'sequel' daripada filem-filem genre 'Do Re Mi' yang sarat dengan unsur lawak jenaka. Namun, dalam konteks kritikan sosial, filem *Anak Bapak* bukan sekadar satu hiburan tetapi lebih daripada itu. Ia memerlukan satu interpretasi yang kritis (critical interpretation) yang memahami apa yang tersirat di sebalik yang tersirat. Sebagai mana yang dinyatakan oleh Walzer (1987) dalam bukunya *Interpretation and Social Criticism* – 'social is critical interpretation', maka filem *Anak Bapak* yang dikatakan sequel filem-filem 'Do Re Mi', memerlukan interpretasi yang kritis untuk menemukan kritikan sosialnya. Persoalannya, apakah kritikan sosial yang terdapat dalam film ini?

Sebagaimana yang telah disebut di awal esei ini, dari segi genre, filem *Anak Bapak* merupakan sebuah filem komedi yang disajikan dengan adengan-adengan lucu dan didendangkan dengan beberapa buah lagu merdu. Penonton dibuai genre komedi yang menghiburkan.

Namun dengan menggunakan kaedah 'critical intepretation' pengaji wajar pergi lebih jauh lagi ke dalam lapisan-lapisan yang ada untuk menemukan pemahaman yang lebih mendalam lagi. Meneliti andaian-andaian yang di bawah itu dan menjadi membentuk penilaian yang wajar berdasarkan penemuan-penemuan yang diperolehi.

"Anak Bapak" ialah satu peribahasa Melayu yang bermaksud 'anak kesayangan'. Dalam filem *Anak Bapak*, Harun merupakan anak kesayangan Datuk Mahfiz – orang kaya yang punya ladang getah yang luas. Beliau yang sudah berumur tinggal di Johor, manakala Harun tinggal di Kuala Lumpur, menguruskan ladang-ladang getah bapanya.

Sebagai anak kesayangan, Harun dibesarkan sebagai anak yang dimanjakan dengan kemewahan. Harun dilantik sebagai pengurus ladang-ladang bapanya dan hidup di kelab-kelab malam di Kuala Lumpur. Banyak wangnya habis untuk berfoya-foya sehingga terpaksa berhutang. Beliau berhutang dengan ceti dan wanita yang dikenali di kelab malam tersebut juga menjadi tempat beliau berhutang.

Harun sebagai anak kesayangan Datuk Mahfiz yang kaya itu, semenjak kecil lagi, sudah pasti hidupnya mewah dan apa saja permintaannya pasti dipenuhi. Mentaliti ini barangkali terus kukuh dalam mindanya, sehingga pada satu ketika Harun terdesak untuk mendapat wang bagi membayar hutangnya kepada ceti. Harun meneruskan cara hidupnya untuk bersenang-senang dengan berhibur di kelab-kelab malam. Banyak wang habis untuk berfoya-foya.

Harun telah berbohong kepada bapanya – Datuk mahfiz. Harun telah menelefon bapanya yang tinggal di Johor dengan mengatakan bahawa dia akan berkahwin. Datuk Mahfiz terkejut dan gembira apabila Harun melalui telefon memberitahu bapanya dia akan kahwin. Mungkin Datuk Mahfiz telah menunggu begitu lama, bila anak lakinya yang seorang ini akan berkahwin. Datuk Mahfiz percaya dan yakin anaknya itu akan berkahwin, maka dia telah memberi anaknya 5000 ringgit sebagai satu hadiah kahwin. Namun setelah menerima 5000 ringgit daripada bapanya itu, sebahagian daripada wang itu digunakan untuk membayar hutang ceti dan Harun tidak berkahwin seperti yang dijanjikan.



Datuk Mahfiz dengan murah hati telah memberi anaknya - Harun 5000 ringgit sebagai hadiah apabila anaknya itu mengatakan dia akan berkahwin. Harun tidak berkahwin dan dia telah berbohong kepada bapanya.

Plot twit cerita Harun terjadi apabila bapanya datang ke rumahnya di Kuala Lumpur. Harun yang menyedari tembelangnya terbongkar telah berbohong kali kedua. Harun telah memujuk dan berpakat dengan kawannya Saleh untuk meminjam isterinya – Edah beberapa hari untuk dibawa berjumpa datuk Mahfiz. Apabila bertemu Datuk Mahfiz, Harun sekali lagi berbohong kepada bapanya dengan mengatakan bahawa Edah – isteri kawannya Saleh itu adalah isteri yang dikahwininya. Di sini, Harun bukan sahaja meminjam duit daripada ceti tetapi meminjam isteri orang.



Harun memujuk kawannya Saleh untuk meminjam isterinya - Edah bagi membohongi bapanya.

Selain berhutang dengan ceti, Harun juga meminjam wang dari Normah, penyanyi kelab malam yang selalu dikunjunginya. Harun juga menghadapi masalah untuk membayar hutang kepada Normah. Wanita ini mengetahui pembohongan Harun kepada bapanya. Sebenarnya, Normah ada menaruh hati kepada Harun tetapi tidak berbalas. Sebaliknya Harun telah berkahwin dengan Halimah – jururawat Datuk Mahfiz (lakonan Roseyatimah). Setelah mengetahui rahsia Harun dan Edah, Norma

telah mengugut Harun untuk melaporkan hal itu kepada Datuk Mahfiz. Bagi menutup mulut Norma, Harun telah mengeluarkan cek palsu bernilai 1000 ringgit kepada Norma. Setelah menyedari beliau ditipu, Norma menjadi lebih marah, dan mendedahkan rahsia Harun kepada bapanya. Di sini, Harun bukan sahaja berbohong kepada bapanya tetapi telah merasuah Norma supaya tidak mendedahkan kesalahannya.

Satu yang menarik tentang Harun ini ialah beliau merupakan pengurus yang amanah dan majikan yang perihatin kepada pekerja-pekerjanya. Dalam satu peristiwa, Harun telah mengadu kepada sahabatnya yang juga pemandunya bahawa ia kehabisan wang.



Satu babak dalam filem Anak Bapak – Harun menyatakan prinsipnya tentang amanah kepada Saleh.

Salleh telah mencadangkan satu penyelesaian kepada Harun iaitu dengan mengambil wang pejabat. Salleh berpendapat, sebagai anak kepada tuan punya ladang, apa salahnya mengambil wang pejabat bagi mengatasi masalah kewangannya bosnya itu. Syarikat itu bapa Harun yang punya maka wang syarikat itu juga menjadi milik Harun. Begitulah fahaman Saleh tentang wang syarikat.

Harun yang kelihatan suka berfoya-foya di kelab malam dengan wanita-wanita cantik telah memberi respon kepada cadangan kawannya itu:

“Hey Saleh, kau jangan cuba ajar aku jadi jahat tau. Seumur hidup aku tak pernah pakai duit office. Itu amanah orang. Yang aku joli, hutang ceti, perempuan dan segalanya aku habiskan harta aku tau!”

“Kalau aku ambil duit office bererti aku tipu harta bapak aku. Bila aku tipu, orang akan tuduh aku pecah amanah. Sekali orang tak percaya dekat aku, sampai mati pun orang tak percaya dekat aku. Ini amaran penghabisan. Kalau kau cuba untuk keluarkan lagi idea nak menjahanamkan aku, kau dan aku putus sahabat !”

Di sini, Harun merupakan seorang pengurus yang berprinsip iaitu amanah khusus dalam menjaga wang syarikat sungguhpun syarikat itu bapanya yang punya.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa Harun bukan sahaja diperlihatkan sebagai manusia yang amanah, beliau juga prihatin kepada pekerja-pekerjanya. Dalam satu peristiwa di ladang, Harun telah memberi cuti kepada seorang penoreh getah wanita dengan bergaji kerana menjaga anaknya sakit. Beliau juga mengarahkan mandurnya meringankan kerja seorang pak cik yang telah tua dan

memberi cuti seminggu bergaji. Lelaki tua itu memuji-muji kebaikan Harun sebagai majikannya dan mendoakannya dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki.



Harun prihatin kepada masalah pekerja ladangnya

Dalam filem *Anak Bapak*, dari satu segi, prinsip amanah yang dipegang oleh Harun dan keperihatinannya kepada pekerja-pekerjanya sangat baik. Prinsip dan nilai terpuji Harun menjadi satu ideal sosial yang diperlukan oleh masyarakat. Pada peringkat ini, Harun seorang anak dan majikan yang berperibadi mulia atau punya akhlak terpuji.

Walau bagaimanapun, Harun bukan manusia yang berperibadi mulia sebaliknya, manusia yang juga punya kekurangan dan kelemahan yang nyata. Manusia seperti Harun ini ramai kerana manusia sukar untuk menjadi manusia yang bergelar 'insan kamil' atau manusia yang sempurna. Hal ini mungkin kesan daripada sistem pendidikan di mana Harun sebagai 'anak bapak' telah dimanjakan sedemikian rupa sehingga menipu bapa sendiri tidak menjadi masalah besar kerana bapanya sentiasa memberi apa yang diminta. Bila terdesak, untuk menipu bapa sendiri sudah tidak menjadi hal lagi. Logika menjadi kemuskilan di sini, mana mungkin manusia yang pembohong, suka berpoya-poya (walaupun duit gaji sendiri), memberi rasuah untuk melepaskan diri, boleh menjadi seorang yang amanah dan menjaga kebajikan pekerja-pekerjanya. Namun begitulah keadaan individu dalam masyarakat yang punya baik dan buruk dan tidak sempurna kejadian.

ii) Kritikan Terhadap Institusi Mahkamah

Satu aspek penting 'critical interpretation' dalam kritikan sosial. Melihat ke dalam lapisan-lapisan yang mendap untuk menemukan andaian dan jawapan kepada kritikan sosial yang ada dalam filem *Anak Bapak*. Di akhir filem ini ada satu episod mahkamah dan pengadilannya.

Mahkamah merupakan satu insituti kerana ia diwujudkan sebagai satu struktur kerajaan di mana ia diwujudkan oleh undang-undang untuk mengurus keadilan, menyelesaikan masalah dan mendaualatkan undang-undang. Mahkamah bebas daripada pengaruh atau manipulasi agensi kerajaan yang lain supaya mahkamah dapat memberi perkhidmatan yang telus dan berwibawa. Dengan kata lain,

mahkamah satu institusi yang mulia kerana bertanggungjawab dalam apa jua keputusan yang dibuat. Bagaimana dengan mahkamah dalam filem *Anak Bapak*?

Pembohongan Harun ini menimbulkan kemarahan Datuk Mahfiz, satu mahkamah keluarga telah diwujudkan dengan Datuk Mahfiz sebagai hakim dan Harun telah didakwa berbohong. Dalam perbicaraan itu, Harun mengatakan bahawa gaji sebanyak 1000 ringgit itu tidak mencukupi untuk dia berjoli di kelab malam. Norma pula didapati telah menerima 5 kali cek tendang dari Harun, hanya yang kelima saja yang didedahkan kerana sakit hatinya kepada Harun yang berkahwin dengan Halimah dan secara tidak langsung menolak perasaannya. Juri mendapati Harun tidak bersalah dan Norma yang bersalah kerana ingin memalukan Harun. Hukumannya, Norma dihukum kahwin dengan Hakim (Datuk Mahfiz).



Datuk Mahfiz telah mewujudkan satu mahkamah di rumahnya untuk membicarakan anaknya – Harun yang berbohong kepadanya.



Harun dibicarakan di 'mahkamah' yang diwujudkan oleh bapanya – Datuk Mahfiz

Tegasnya, kritikan sosial yang lebih berani dalam filem *Anak Bapak*, boleh diperoleh melalui 'critical interpretation' iaitu satu analisis yang mendalam dalam sebuah genre komedi. Dalam gelak ketawa, penonton disajikan dengan kritikan sosial yang padu, pedas dan berani, lebih-lebih lagi kritikan terhadap institusi mahkamah yang sering dimuliakan dan nada juga yang mempersendakannya apabila ia digunakan untuk kepentingan tertentu..

Mahkamah yang diwujudkan oleh Datuk Mahfiz untuk membicarakan anaknya itu boleh ditafsiran sebagai mahkamah palsu (kangaroo court). Sebagai mahkamah yang dikuasainya, Datuk Mahfiz boleh buat apa sahaja. Mahkamah ini penuh dengan kepalsuan, misalnya, Harun yang jelas menipu dan merasuah itu telah dilepaskan dan naikkan gajinya pula. Isu menipu dan berbohong lelaki yang bernama Harun tidak dibincangkan dengan sewajarnya. Normah pula dihukum bersalah kerana yang kerana mengugut Harun. Hukumannya pula, berkahwin dengan Normah. Hakim mengambil kesempatan di mahkamah yang dikuasainya.

Mahkamah ini jelas satu mahkamah puppet yang menjalankan undang-undang dengan memilih kasih. Di dalam masyarakat, jika wujud mahkamah seperti ini, mereka yang bersalah akan dilepaskan dan bukan itu sahaja, mereka diberi ganjaran yang lebih besar. Mahkamah seperti ini membenihkan dan membiakkan ketidakadilan dalam masyarakat.

Kesimpulannya, sungguhpun filem *Anak Bapak* merupakan sebuah filem komedi, dihiasi dengan lagu-lagu yang merdu serta plot yang mudah, filem ini punya kekuatan untuk membuat kritikan sosial terhadap keadaan masyarakat dan institusi perundangan. Dalam filem *Anak Bapak*, keseimbangan dalam penampilan peribadi seseorang itu sangat penting. Manusia yang baik merupakan manusia yang seimbang dalam semua perkara sama ada tindakan ataupun fikiran. Harun memiliki prinsip hidup yang positif seperti amanah tetapi prinsip amanah itu menjadi tercemar apabila Harun juga berbohong lebih-lebih lagi berbohong kepada bapa memanjakannya itu. Harun bukan sahaja berbohong tetapi juga memberi rasuah kepada Normah untuk terlepas daripada diambil tindakan terhadapnya. Keperibadian yang tidak sempurna digamatkan lagi apabila institusi mahkamah dipermainkan atau diperolok-olokan oleh mereka yang punya kuasa dan wang. Mahkamah sebagai penegak dan pelaksana undang-undang telah dinodai dengan tindakan Datuk Mahfiz menggunakan mahkamah untuk kepentingan peribadi. Harun anak yang disayangi yang penipu dan perasuah itu dibebaskan. Bukan itu sahaja, dia telah dinaikkan gaji. Normah yang ditipu dan dirasuah oleh Harun, telah dikatakan mengacau hidup Harun dan dihukum. Hukumannya ialah berkahwin dengan hakim (Datuk Mahfiz). Di sini, hakim mengambil kesempatan untuk anak dan dirinya bukan untuk kepentingan ramai. Hakim (Datul Mahfiz) mengawal mahkamah kerana hakim yang telah mewujudkan mahkamah itu, semuanya dalam kawalannya termasuk staf pendakwa dan juri. Keadaan ini telah dikritik oleh P.Ramlee namun dalam file mini, solusi kepada permasalahan yang ditimbulkan tidak diberikan. P.Ramlee membiarkan penonton mencarinya di celah-celah kelucuan itu.

Rujukan

Anak Bapak. 1968. Kuala Lumpur: Terbitan Merdeka Filem Production.

Walzer, Michael. 1987. *Interpretation and Social Criticism*. Harvard University Press.